

**Kabel Elektrik Dasar Laut Akan Dibina Di Pulau Tuba - Najib
Bernama
31 Oktober, 2012**

LANGKAWI, 31 Okt (Bernama) -- Dua kabel elektrik dasar laut akan dibina bagi menambah baik kualiti bekalan elektrik di Pulau Tuba dekat sini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata projek kabel dasar laut yang bernilai RM45 juta itu akan dapat menyelesaikan masalah gangguan elektrik yang kerap berlaku di pulau berkenaan.

"Kabinet sudah meluluskan peruntukan untuk melaksanakan projek kabel dasar laut itu. Kita akan bina dua kabel kerana apabila satu rosak, ada satu lagi yang boleh berfungsi. Bekalan (kabel elektrik) ini apabila siap boleh bertahan untuk 15 tahun lagi," katanya pada Majlis Bersama Rakyat di Pulau Tuba Rabu.

Beliau berkata kabel dasar laut sepanjang empat kilometer itu akan dibina merentasi laut dari Pulau Tuba ke Kuah dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dari sekarang.

Najib berkata kerajaan juga akan membantu membaiki jambatan sedia ada yang menghubungkan antara Pulau Dayang Bunting dengan Pulau Tuba bagi keselesaan penduduk.

"Segala kemudahan adalah jasa kerajaan Barisan Nasional (BN), kita akan lakukan tindakan untuk baik pulih jambatan Pulau Dayang Bunting ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib berkata beliau yakin Pulau Tuba akan terus menjadi kubu kuat BN dalam pilihan raya umum akan datang dengan lebih 90 peratus pengundi di situ akan menyokong kepimpinan kerajaan pusat.

"Pada 2004, peratusan pengundi yang menyokong BN adalah 93.7 peratus, manakala pada 2008 ialah 83.4 peratus, turun sedikit. Tapi kalau inilah gambarannya (kehadiran yang ramai pada majlis hari ini), kita yakin pada pilihan raya umum akan datang sama ada akan diadakan

pada tahun ini atau tahun depan, kita akan kembali ke tahap (sokongan) 93 peratus sekurang-kurangnya," katanya.

Pada majlis itu Perdana Menteri juga merasmikan Klinik 1Malaysia di pulau berkenaan.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yaacob, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar serta Timbalannya Datuk Mohd Johari Baharom dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Perdana Menteri hari ini mempunyai jadual lawatan sehari suntuk ke Kedah. Beliau memulakan lawatan pada sebelah pagi dengan berkunjung ke pekan Tanjung Dawai, sebuah petempatan nelayan dekat Sungai Petani.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Pantai Merdeka untuk merasmikan program Perhimpunan Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kedah dengan menaiki bot Polis Marin dari jeti Tanjung Dawai dengan diiringi hampir 40 buah bot nelayan.

Pada sebelah petang beliau ke Langkawi, dengan program pertama adalah melancarkan Penjenamaan Baharu Langkawi. Beliau kemudian merasmikan sebuah feri baru milik JMV Ferry Services Sdn Bhd sebelum ke Pulau Tuba.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706054>